



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 810

AKTA PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG 1968

(Disemak—2018)

AKTA PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG 1968

Disemak sehingga 1 November 2018

Tarikh penyiaran dalam *Warta*
bagi edisi semakan ini 12 November 2018

Tarikh yang ditetapkan untuk mula
berkuat kuasanya edisi semakan ini
menurut perenggan 6(1)(xxiii) Akta
Penyemakan Undang-Undang 1968 12 November 2018
[*Akta 1*]

Pertama kali diperbuat dalam tahun 1968 sebagai
Akta Parlimen No. 26 tahun 1968

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 810

AKTA PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG 1968

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PERBADANAN

3. Penubuhan Perbadanan
4. Meterai perbadanan
5. Kuasa Perbadanan
6. Keanggotaan Perbadanan
7. Pengosongan jawatan
8. Mesyuarat

BAHAGIAN III

KEWANGAN

9. Hasil
10. Tabung Perbadanan Padang Golf Subang
11. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980

BAHAGIAN IV

AM

12. Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah
13. Pekhidmat awam
14. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 810

AKTA PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG 1968

Suatu Akta untuk menubuhkan Perbadanan Padang Golf Subang dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[1 Oktober 1968, P.U. 404/1968]

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbadanan Padang Golf Subang 1968.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anggota” ertinya anggota Perbadanan yang dilantik di bawah seksyen 6;

“hasil” termasuklah—

(a) pemberian, sumbangan, derma kekal, hadiah atau bekues yang dibuat kepada atau bagi faedah Perbadanan;

(b) apa-apa wang lain yang kena dibayar kepada dan diterima oleh Perbadanan; dan

- (c) apa-apa wang dan pendapatan daripada wang itu yang diperdapatkan di bawah seksyen 9;

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Padang Golf Subang yang ditubuhkan di bawah seksyen 3.

BAHAGIAN II

PERBADANAN

Penubuhan Perbadanan

3. (1) Suatu pertubuhan perbadanan dengan nama “Perbadanan Padang Golf Subang” ditubuhkan.

(2) Perbadanan adalah kekal turun-temurun dan boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas namanya dan boleh membuat kontrak.

Meterai perbadanan

4. (1) Perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan dan meterai itu boleh dibuat, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang disifatkan patut oleh Perbadanan.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan di bawah seksyen ini, suatu cap yang mengandungi inskripsi “Perbadanan Padang Golf Subang” bolehlah digunakan sebagai meterai perbadanan bagi Perbadanan.

(3) Meterai Perbadanan apabila dicapkan pada sesuatu surat ikatan, dokumen atau surat cara lain hendaklah dicapkan di hadapan dan diakui saksi oleh Pengerusi atau Timbalan Pengerusi dan seorang anggota yang lain.

(4) Apa-apa kontrak atau surat cara yang, jika dibuat atau disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak dikehendaki supaya dimeteraikan, boleh dibuat atau disempurnakan bagi pihak Perbadanan oleh mana-mana orang yang diberi kuasa secara am atau khusus oleh Perbadanan bagi maksud itu tertakluk kepada apa-apa sekatan tentang nilai atau selainnya yang boleh dikenakan dalam pemberikuasaan itu.

(5) Apa-apa surat ikatan, dokumen atau surat cara lain yang berupa sebagai telah disempurnakan atau dikeluarkan dengan sewajarnya di bawah meterai Perbadanan atau bagi pihak Perbadanan hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan sebagai telah disempurnakan atau dikeluarkan sedemikian.

Kuasa Perbadanan

5. (1) Perbadanan hendaklah mempunyai kuasa—

- (a) untuk menubuhkan, menguruskan dan menyenggara atau menyebabkan supaya diuruskan dan disenggara mana-mana padang golf untuk digunakan berkaitan dengan sukan golf atau apa-apa sukan lain, permainan, rekreasi atau kegiatan masa lapang, yang disifatkan patut oleh Perbadanan;
- (b) untuk memperoleh melalui pembelian, hadiah atau selainnya harta alih dan harta tak alih dan apa-apa kepentingan mengenainya, dan untuk melupuskan atau selainnya berurusan dengan apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenainya yang diperoleh sedemikian oleh Perbadanan;
- (c) untuk mendirikan apa-apa bangunan di atas mana-mana harta tak alih kepunyaan Perbadanan atau di atas mana-mana harta tak alih yang berkenaan dengannya apa-apa kontrak atau perkiraan telah dibuat di bawah perenggan (d) dan menyusun atur dan menyediakan harta itu untuk apa-apa sukan, permainan, rekreasi atau kegiatan masa lapang yang sesuai atau mudah diadakan di situ, untuk mengadakan tempat letak, astaka, gimnasium, bilik jamuan ringan, kedai, gerai, tandas dan apa-apa kesenangan dan kemudahan lain yang berkaitan dengannya sebagaimana yang disifatkan patut oleh Perbadanan;
- (d) untuk membuat apa-apa kontrak atau perkiraan melalui pajakan atau selainnya berkenaan dengan mana-mana padang golf atau mana-mana bangunan atau kesenangan di atasnya atau berkenaan dengan mana-mana harta dengan mana-mana orang, kumpulan orang atau mana-mana pihak berkuasa awam tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang diluluskan oleh Menteri;
- (e) untuk menyenggara atau membina semula mana-mana bangunan yang didirikan di atas tanah Perbadanan;

- (f) untuk menjual, membuat pajakan atau pajakan kecil atau selainnya melupuskan mana-mana tanah yang tidak dikehendaki untuk aktiviti sukan atas apa-apa terma dan syarat yang diluluskan oleh Menteri;
- (g) untuk mengadakan atau memajukan apa-apa sukan, permainan, olahraga, rekreasi atau kegiatan masa lapang, dan untuk memberikan atau menyumbang hadiah, anugerah dan penghormatan;
- (h) untuk menjalankan perniagaan sebagai pembekal makan minum dan pembekal makanan dan minuman ringan berlesen;
- (i) dengan kelulusan Menteri, untuk menggunakan atau membenarkan penggunaan apa-apa harta Perbadanan bagi apa-apa maksud yang ditentukan oleh Perbadanan sebagai tambahan kepada maksud yang disebut dalam seksyen ini;
- (j) untuk melantik mana-mana pegawai, ejen dan pekhidmat atas apa-apa terma tentang saraan dan selainnya yang ditentukan oleh Perbadanan; dan
- (k) dengan kelulusan Menteri, untuk memajukan semua tanah yang tidak dikehendaki untuk aktiviti padang golf atau sukan lain atau rekreasi bagi maksud perindustrian atau perumahan atau sebagai taman, taman bunga atau kesenangan sosial lain; dan bagi maksud perenggan ini Perbadanan boleh membuat apa-apa kontrak atau perkiraan dengan mana-mana orang, kumpulan orang atau pihak berkuasa awam.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Perbadanan hendaklah bertanggungjawab bagi pengurusan dan kawalan Padang Golf Subang mengikut Akta ini.

Keanggotaan Perbadanan

6. (1) Perbadanan hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:
- (a) empat orang yang dilantik oleh Menteri mengikut nama atau jawatan, yang daripadanya sekurang-kurangnya seorang hendaklah merupakan wakil Kementerian Belia dan Sukan, dan seorang hendaklah merupakan wakil Perbendaharaan;

- (b) dua orang yang dilantik oleh Menteri atas penamaan Menteri Besar Negeri Selangor; dan
- (c) lima orang yang dilantik oleh Menteri iaitu orang yang pada pendapat Menteri berkemungkinan dapat memberi sumbangan terhadap kemajuan permainan golf.

(2) Seorang Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Perbadanan hendaklah dilantik oleh Menteri dari kalangan anggota.

(3) Melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya secara bertulis yang ditandatangani sendiri olehnya yang dialamatkan kepada Menteri atau pelantikannya dibatalkan mengikut seksyen 7, seseorang anggota hendaklah memegang jawatan selama apa-apa tempoh, yang tidak melebihi tiga tahun pada satu-satu masa, yang dinyatakan dalam surat yang melantiknya menjadi anggota.

(4) Seseorang anggota layak untuk dilantik semula kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 7.

Pengosongan jawatan

7. Jika Menteri berpuas hati bahawa seseorang anggota—

- (a) memegang apa-apa jawatan atau pelantikan yang kewajipan atau kepentingannya berkemungkinan bercanggah dengan kewajipan atau kepentingannya kepada Perbadanan;
- (b) selepas dilantik di bawah perenggan 6(1)(c), tidak lagi layak pada pendapat Menteri untuk dilantik di bawah perenggan itu;
- (c) tidak menghadiri mesyuarat Perbadanan tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi;
- (d) telah menjadi bankrap atau telah membuat suatu perkiraan dengan pemiutangnya;
- (e) menjadi tidak upaya kerana penyakit fizikal atau mental; atau
- (f) selainnya tidak berupaya atau tidak layak untuk menunaikan fungsi sebagai seorang anggota,

Menteri boleh membatalkan pelantikan anggota itu.

Mesyuarat

8. (1) Kuorum bagi mana-mana mesyuarat Perbadanan ialah enam orang anggota yang hadir.

(2) Pengerusi atau semasa ketiadaannya, Timbalan Pengerusi atau semasa ketiadaan kedua-dua mereka, mana-mana anggota yang dipilih oleh anggota yang hadir hendaklah mempengerusikan mesyuarat Perbadanan.

(3) Semua persoalan yang berbangkit dalam sesuatu mesyuarat Perbadanan hendaklah diputuskan mengikut majoriti anggota yang hadir dan mengundi dalam mesyuarat itu dan, dalam hal terdapat bilangan undi yang sama banyak, orang yang mempengerusikan mesyuarat itu hendaklah mempunyai undi pemutus.

(4) Seseorang anggota yang hadir dalam mesyuarat Perbadanan hendaklah, jika dia dengan apa-apa cara, sama ada secara langsung atau tidak langsung, mempunyai kepentingan kewangan dalam mana-mana kontrak, kontrak yang dicadangkan atau apa-apa perkara lain yang dibincangkan dalam mesyuarat itu, mengisytiharkan jenis kepentingannya itu kepada Perbadanan dan selepas itu dia tidak boleh hadir semasa perkara itu dipertimbangkan atau dibincangkan dan tidak boleh mengundi tentang apa-apa persoalan yang berhubungan dengan perkara itu.

Bahagian III**KEWANGAN****Hasil**

9. (1) Perbadanan hendaklah mempunyai kuasa untuk menerima apa-apa pemberian, sumbangan, derma kekal, hadiah atau bekues yang dibuat kepada atau bagi faedahnya.

(2) Perbadanan hendaklah dengan kelulusan Menteri Kewangan mempunyai kuasa untuk meminjam atau memperdapatkan wang bagi maksud semua atau mana-mana fungsinya.

(3) Kerajaan boleh memberi apa-apa pemberian atau pinjaman yang disifatkannya patut kepada Perbadanan.

Tabung Perbadanan Padang Golf Subang

10. (1) Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Tabung Perbadanan Padang Golf Subang” ditubuhkan yang ke dalamnya hendaklah dibayar semua hasil Perbadanan dan yang daripadanya semua pembayaran Perbadanan hendaklah dibuat.

(2) Hasil Perbadanan bagi mana-mana tahun kewangan hendaklah digunakan untuk membuat pembayaran yang berikut bagi tahun itu:

- (a) pembayaran balik hutang Perbadanan;
- (b) perbelanjaan kerja dan perjawatan; dan
- (c) penyenggaraan dan pembaharuan harta, dan penunaian fungsi, Perbadanan yang dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya kepada hasil.

(3) Amaun yang masih ada daripada hasil Perbadanan untuk mana-mana tahun kewangan, selepas pembayaran yang disebut dalam subseksyen (2) dibuat, hendaklah digunakan untuk menjelaskan apa-apa kekurangan hasil yang dibawa ke hadapan dari tahun sebelumnya, dan baki daripada amaun itu, jika ada, selepas menjelaskan kekurangan itu, hendaklah dengan seberapa segera yang boleh selepas berakhirnya tahun itu dimasukkan ke dalam akaun rizab am.

(4) Wang yang ada dalam kredit akaun rizab am pada akhir setiap tahun kewangan boleh digunakan bagi maksud Perbadanan.

(5) Wang dalam Tabung yang tidak dikehendaki untuk dibelanjakan dalam menunaikan mana-mana fungsi Perbadanan, jika dilaburkan, hendaklah dilaburkan oleh Perbadanan dalam pelaburan yang dibenarkan oleh undang-undang bagi pelaburan kumpulan wang amanah.

(6) Perbadanan tidak boleh membuat apa-apa pelaburan dalam sekuriti yang dikeluarkan atau didaftarkan, atau dalam harta lain yang terletak, di luar Malaysia kecuali dengan kelulusan Menteri Kewangan.

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980

11. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] hendaklah terpakai bagi Perbadanan.

Bahagian IV

AM

Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah

12. Perbadanan boleh, tertakluk kepada kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah—

- (a) untuk mengawal selia prosiding Perbadanan, panggilan mesyuarat dan perjalanan urusan;
- (b) bagi pelantikan jawatankuasa;
- (c) untuk menguntukkan kewajipan kepada, dan mengawal selia perjalanan kuasa eksekutif oleh, Perbadanan, jawatankuasa dan pegawai Perbadanan;
- (d) untuk mengawal selia perjalanan semua urusan yang dikendalikan dengan pengurusan mana-mana padang golf;
- (e) untuk mengawal selia pelantikan dan terma dan syarat perkhidmatan pegawai dan pekhidmat Perbadanan;
- (f) untuk menetapkan caj masuk ke padang golf yang diuruskan atau disenggarakan oleh atau bagi pihak Perbadanan; dan
- (g) untuk menetapkan apa-apa perkara yang boleh ditetapkan di bawah Akta ini.

Pekhidmat awam

13. Semua anggota, pegawai dan pekhidmat Perbadanan hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574].

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

14. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Perbadanan atau terhadap mana-mana anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen Perbadanan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan oleh Perbadanan atau oleh mana-mana anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen Perbadanan atas sifat yang sedemikian.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 810****AKTA PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG 1968**

(Disemak—2018)

*Butir-butir di bawah perenggan 7(ii) dan (iii) Akta
Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1]*

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
-------------------------------	---------------	-----------------------

-TIADA-

SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIAN-BAHAGIANNYA
YANG DIGANTI

No.	Tajuk
No. 26 tahun 1968	Act Perbadanan Padang Golf Subang, 1968

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 810

AKTA PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG 1968

(Disemak—2018)

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
---------	---------------	-----------------------

-TIADA-

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 810

AKTA PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG 1968

(Disemak—2018)

SENARAI PINDAAN YANG DIBUAT OLEH PESURUHJAYA
PENYEMAK UNDANG-UNDANG DI BAWAH SEKSYEN 6 AKTA
PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968 [AKTA 1]

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
Keseluruhan Akta	1. Perkataan “meterai” menggantikan “meteri”	perenggan 6(1)(iii)
	2. Perkataan “rekreasi” menggantikan “riadhah”	perenggan 6(1)(xxa) dan (xxiv)
	3. Perkataan “kegiatan masa lapang” menggantikan “perentangmasa”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
	4. Perkataan “anggota” menggantikan “ahli”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxiv)
	5. Ejaan dikemas kini selaras dengan ejaan yang diluluskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka	perenggan 6(1)(xxa)
	6. Nota bahu menggantikan nota birai	perenggan 6(1)(xxiv)
	7. Noktah pada akhir nota bahu ditinggalkan	perenggan 6(1)(xvi)
Susunan kandungan	Susunan kandungan dipinda	perenggan 6(1)(vii)
Tajuk panjang	Perkataan “Suatu Akta untuk menubuhkan Perbadanan Padang Golf Subang dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.” menggantikan “Suatu Act bagi menubuhkan Perbadanan Padang Golf Subang dan untuk membuat peruntukan bagi perkara ² yang berkaitan dengan-nya.”	perenggan 6(1)(vi)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
Tarikh kuat kuasa	Perkataan “1 Oktober 1968, P.U. 404/1968” dimasukkan dalam kurungan segi selepas tajuk panjang	subperenggan 6(1)(i)(d)
Ayat mengundang-undang	Ditinggalkan	subperenggan 6(1)(i)(f)
Bahagian 1	Perkataan “BAHAGIAN I” menggantikan “BAHAGIAN 1”	perenggan 6(1)(vii) dan (xxiv)
seksyen 1	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dalam nota bahu, perkataan “Tajuk ringkas” menggantikan “Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa” 2. Koma sebelum perkataan “1968” ditinggalkan 3. Perkataan “, dan hendak-lah mula berkuatkuasa pada sesuatu tarikh sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Mentri melalui pemberitahu dalam <i>Warta Kerajaan</i>” ditinggalkan 	<p>perenggan 6(1)(xxa) dan (xxiv)</p> <p>perenggan 6(1)(xvi)</p> <p>subperenggan 6(1)(i)(d)</p>
seksyen 2	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perkataan “konteksnya” menggantikan “kandongan ayatnya” 2. Koma selepas perkataan “Akta ini” dimasukkan 3. Dalam tafsiran “anggota”, perkataan “anggota” menggantikan “ahli” 4. Tafsiran “Mentri” ditinggalkan 5. Tafsiran “hasil” dibahagikan kepada perenggan (a), (b) dan (c) dengan perubahan berbangkit dibuat 6. Tafsiran “Perbadanan” dimasukkan 	<p>perenggan 6(1)(iii)</p> <p>perenggan 6(1)(xvi)</p> <p>perenggan 6(1)(iii)</p> <p>subperenggan 6(1)(i)(h) dan perenggan 6(1)(xxb)</p> <p>subperenggan 6(1)(iv)(a), perenggan 6(1)(xiii) dan (xxiv)</p> <p>perenggan 6(1)(xxiv)</p>
Bahagian 2	Perkataan “BAHAGIAN II” menggantikan “BAHAGIAN 2”	perenggan 6(1)(vii) dan (xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
subseksyen 3(1)	1. Perkataan “Suatu pertubuhan perbadanan dengan nama “Perbadanan Padang Golf Subang” ditubuhkan” menggantikan “Ada-lah dengan ini ditubuhkan suatu pertubuhan yang menjadi suatu pertubuhan yang di-perbadankan bernama “Perbadanan Padang Golf Subang” (di-bawah ini di-rujok sa-bagai “Perbadanan”)”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxi)
	2. Dibahagikan kepada subseksyen 3(1) dan 3(2) dengan pengubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xii), (xiii) dan (xxiv)
subseksyen 3(2)	1. Dinomborkan semula sebagai subseksyen 4(1)	perenggan 6(1)(xii)
	2. Dalam nota bahu, perkataan “ Meterai perbadanan ” dimasukkan	perenggan 6(1)(xxiv)
	3. Dibahagikan kepada subseksyen 4(1) dan 4(2) dengan pengubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xii), (xiii) dan (xxiv)
subseksyen 4(1)	Dinomborkan semula sebagai subseksyen 5(1)	perenggan 6(1)(xii)
perenggan 4(1)(a)	1. Dinomborkan semula sebagai perenggan 5(1)(a)	perenggan 6(1)(xii)
	2. Perkataan “untuk menubuhkan, menguruskan dan menyenggara atau menyebabkan supaya diuruskan dan disenggara mana-mana padang golf untuk digunakan berkaitan dengan sukan golf atau apa-apa sukan lain, permainan, rekreasi atau kegiatan masa lapang, yang disifatkan patut oleh Perbadanan;” menggantikan “untuk menubuhkan, mengurus dan menyenggara atau menyebabkan di-urus dan di-senggara mana ² padang golf untok di-gunakan berhubung dengan golf atau apa ² soka, permainan, riadhah atau perentangmasa, sa-bagaimana yang di-fikirkan patut oleh Perbadanan;”	perenggan 6(1)(xxa), (xxi) dan (xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
perenggan 4(1)(b)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dinomborkan semula sebagai perenggan 5(1)(b) 2. Perkataan “untuk memperoleh melalui pembelian, hadiah atau selainnya harta alih dan harta tak alih dan apa-apa kepentingan mengenainya, dan untuk melupuskan atau selainnya berurusan dengan apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenainya yang diperoleh sedemikian oleh Perbadanan;” menggantikan “untuk memperolehi dengan jalan beli, hadiah atau dengan jalan lain harta yang boleh di-aleh dan yang tak boleh di-aleh dan apa² kepentingan mengenai-nya, dan untuk melepaskan atau dengan chara lain membuat apa² urusan mengenai harta yang boleh di-aleh atau yang tak boleh di-aleh atau apa² kepentingan mengenai-nya yang sa-demikian di-perolehi oleh Perbadanan ini;” 	<p>perenggan 6(1)(xii)</p> <p>perenggan 6(1)(xxa), (xxi) dan (xxiv)</p>
perenggan 4(1)(c)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dinomborkan semula sebagai perenggan 5(1)(c) 2. Perkataan “untuk mendirikan apa-apa bangunan di atas mana-mana harta tak alih kepunyaan Perbadanan atau di atas mana-mana harta tak alih yang berkenaan dengannya apa-apa kontrak atau perkiraan telah dibuat di bawah perenggan (d) dan menyusun atur dan menyediakan harta itu untuk apa-apa sukan, permainan, rekreasi atau kegiatan masa lapang yang sesuai atau mudah diadakan di situ, untuk mengadakan tempat letak, astaka, gimnasium, bilik jamuan ringan, kedai, gerai, tandas dan apa-apa kesenangan dan kemudahan lain yang berkaitan dengannya sebagaimana yang disifatkan patut oleh Perbadanan;” menggantikan “untuk mendirikan apa² bangunan 	<p>perenggan 6(1)(xii)</p> <p>perenggan 6(1)(xxa), (xxi) dan (xxiv)</p>

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
perenggan 4(1)(d)	<p>di-atas mana² harta yang tak boleh di-aleh kepunyaan Perbadanan ini atau di-atas mana² harta yang tak boleh di-aleh yang sa-suatu kontrek atau perkiraan telah di-buat mengenai-nya di-bawah perenggan (d) dan mengator dan menyediakan harta itu untuk apa² soka, permainan, riadhah atau perentangmasa yang mungkin sesuai dan senang di-adakan di-situ, untuk mengadakan tempatletak, astaka, jimnasia, bilek minuman, kedai, gerai, tandas dan apa² kemudahan dan kesenangan lain yang berhubung dengan-nya sa-bagaimana di-fikirkan patut oleh Perbadanan;”</p>	perenggan 6(1)(xii)
	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dinomborkan semula sebagai perenggan 5(1)(d) 2. Perkataan “untuk membuat apa-apa kontrak atau perkiraan melalui pajakan atau selainya berkenaan dengan mana-mana padang golf atau mana-mana bangunan atau kesenangan di atasnya atau berkenaan dengan mana-mana harta dengan mana-mana orang, kumpulan orang atau mana-mana pihak berkuasa awam tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang diluluskan oleh Menteri;” menggantikan “untuk membuat apa² jua kontrek atau perkiraan dengan jalan pajakan atau lain² berkenaan dengan mana² padang golf atau mana² bangunan atau kemudahan di-atas-nya atau berkenaan dengan mana² harta dengan mana² orang, kumpulan orang atau mana² pihak-berkuasa ‘awam terta‘alok kepada apa² syarat dan keadaan sa-bagaimana yang mungkin di-luluskan oleh Menteri;” 	perenggan 6(1)(xxa), (xxi) dan (xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
perenggan 4(1)(e)	1. Dinomborkan semula sebagai perenggan 5(1)(e)	perenggan 6(1)(xii)
	2. Koma selepas perkataan “menyenggara” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xvi)
	3. Perkataan “didirikan di atas” menggantikan “terdiri di-atas”	perenggan 6(1)(xxa) dan (xv)
perenggan 4(1)(f)	1. Dinomborkan semula sebagai perenggan 5(1)(f)	perenggan 6(1)(xii)
	2. Perkataan “untuk menjual, membuat pajakan atau pajakan kecil atau selainnya melupuskan mana-mana tanah yang tidak dikehendaki untuk aktiviti sukan atas apa-apa terma dan syarat yang diluluskan oleh Menteri;” menggantikan “untuk menjual, memajak atau memajak-kecil atau dengan chara lain melepaskan mana ² tanah yang mungkin tidak di-kehendaki untuk kegiatan sokan atas sharat ² dan keadaan ² sa-bagaimana yang mungkin di-luluskan oleh Mentri;”	perenggan 6(1)(xxa), (xxi) dan (xxiv)
perenggan 4(1)(g)	1. Dinomborkan semula sebagai perenggan 5(1)(g)	perenggan 6(1)(xii)
	2. Perkataan “untuk mengadakan atau memajukan apa-apa sukan, permainan, olahraga, rekreasi atau kegiatan masa lapang, dan untuk memberikan atau menyumbang hadiah, anugerah dan penghormatan;” menggantikan “mengadakan atau memajukan apa ² sokan permainan, olah raga, riadhah atau perentangmasa dan memberi atau mencharum terhadap hadiah ² , pemberian ² dan kenamaan ² ;”	perenggan 6(1)(xxa), (xxi) dan (xxiv)
perenggan 4(1)(h)	1. Dinomborkan semula sebagai perenggan 5(1)(h)	perenggan 6(1)(xii)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
	2. Perkataan “pembekal makan minum dan pembekal makanan dan minuman ringan berlesen;” menggantikan “penjual makanan dan pembekal minuman berlesen;”	perenggan 6(1)(xxa) dan (xxiv)
perenggan 4(1)(i)	1. Dinomborkan semula sebagai perenggan 5(1)(i)	perenggan 6(1)(xii)
	2. Perkataan “dengan kelulusan Menteri, untuk menggunakan atau membenarkan penggunaan apa-apa harta Perbadanan bagi apa-apa maksud yang ditentukan oleh Perbadanan sebagai tambahan kepada maksud yang disebut dalam seksyen ini;” menggantikan “dengan persetujuan Menteri menggunakan atau membenarkan untuk di-gunakan apa ² harta Perbadanan bagi apa ² maksud sa-bagaimana di-tetapkan oleh Perbadanan sa-lain daripada maksud yang di-rujukkan dahulu daripada ini;”	perenggan 6(1)(xxa), (xxi) dan (xxiv)
perenggan 4(1)(j)	1. Dinomborkan semula sebagai perenggan 5(1)(j)	perenggan 6(1)(xii)
	2. Perkataan “untuk melantik mana-mana pegawai, ejen dan pekhidmat atas apa-apa terma tentang saraan dan selainnya yang ditentukan oleh Perbadanan;” menggantikan “untuk melantek pegawai ² , ejen ² dan penjawat ² , atas syarat ² tentang saraan dan lain ² sa-bagaimana di-tetapkannya;”	perenggan 6(1)(xxa), (xxi) dan (xxiv)
perenggan 4(1)(k)	1. Dinomborkan semula sebagai perenggan 5(1)(k)	perenggan 6(1)(xii)
	2. Perkataan “dengan kelulusan Menteri, untuk memajukan semua tanah yang tidak dikehendaki untuk aktiviti padang golf atau sukan lain atau rekreasi bagi maksud perindustrian atau perumahan atau sebagai taman, taman bunga atau kesenangan sosial lain; dan bagi maksud	perenggan 6(1)(xvi), (xxa), (xxi) dan (xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
subseksyen 4(2)	<p>perenggan ini Perbadanan boleh membuat apa-apa kontrak atau perkiraan dengan mana-mana orang, kumpulan orang atau pihak berkuasa awam.” menggantikan “dengan persetujuan Menteri memajukan semua tanah yang mungkin tidak di-kehendaki untuk kegiatan² padang golf atau lain² sokan atau riadhah, untuk maksud² perusahaan atau perumahan atau sa-bagai taman², kebun² atau lain² kemudahan masharakat; dan untuk maksud perenggan ini Perbadanan boleh membuat apa² jua kontrek atau perkiraan dengan mana² orang, kumpulan orang atau pehak-berkuasa ‘awam.’”</p>	perenggan 6(1)(xii)
	<p>1. Dinomborkan semula sebagai subseksyen 5(2)</p> <p>2. Perkataan “Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Perbadanan hendaklah bertanggungjawab bagi pengurusan dan kawalan Padang Golf Subang mengikut Akta ini.” menggantikan “Dengan tidak menyentuh keluasan ma‘ana peruntukan² sekshen-kecil (1) Perbadanan hendak-lah bertanggung-jawab atas pengurusan dan pengawalan Padang Golf Subang menurut peruntukan² Act ini.”</p>	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
seksyen 5	<p>1. Dalam nota bahu, perkataan “Keanggotaan Perbadanan” menggantikan “Ahli² Perbadanan”</p> <p>2. Dinomborkan semula sebagai seksyen 6</p>	perenggan 6(1)(xxiv)
subseksyen 5(1)	<p>1. Dinomborkan semula sebagai subseksyen 6(1)</p> <p>2. Noktah bertindih menggantikan tanda pisah</p>	perenggan 6(1)(xii)
		perenggan 6(1)(xvi)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
perenggan 5(1)(a)	1. Dinomborkan semula sebagai perenggan 6(1)(a)	perenggan 6(1)(xii)
	2. Perkataan “empat orang yang dilantik oleh Menteri mengikut nama atau jawatan, yang daripadanya sekurang-kurangnya seorang hendaklah merupakan wakil Kementerian Belia dan Sukan, dan seorang hendaklah merupakan wakil Perbendaharaan;” menggantikan “empat orang yang di-lantek oleh Mentri mengikut nama atau jawatan, sa-kurang ² -nya sa-orang daripada mereka hendak-lah wakil bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan, dan sa-orang wakil bagi Perbendaharaan;”	perenggan 6(1)(xvii), (xxa) dan (xxiv)
perenggan 5(1)(b)	1. Dinomborkan semula sebagai perenggan 6(1)(b)	perenggan 6(1)(xii)
	2. Perkataan “penamaan Menteri” menggantikan “penchalonan Mentri”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxiv)
perenggan 5(1)(c)	1. Dinomborkan semula sebagai perenggan 6(1)(c)	perenggan 6(1)(xii)
	2. Perkataan “berkemungkinan dapat” menggantikan “harus akan”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxiv)
subseksyen 5(2)	1. Dinomborkan semula sebagai subseksyen 6(2)	perenggan 6(1)(xii)
	2. Perkataan “Seorang Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Perbadanan hendaklah dilantik oleh Menteri dari kalangan anggota.” menggantikan “Maka hendaklah ada sa-orang Pengerusi dan Timbalan Pengerusi bagi Perbadanan yang di-lantek oleh Mentri dari antara ahli ² .”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 5(3)	1. Dinomborkan semula sebagai subseksyen 6(3)	perenggan 6(1)(xii)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
	2. Perkataan “Melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya secara bertulis yang ditandatangani sendiri olehnya yang dialamatkan kepada Menteri atau pelantikannya dibatalkan mengikut seksyen 7, seseorang anggota hendaklah memegang jawatan selama apa-apa tempoh, yang tidak melebihi tiga tahun pada satu-satu masa, yang dinyatakan dalam surat yang melantiknya menjadi anggota.” menggantikan “Melainkan jika ia terdahulu meletakkan jawatan-nya dengan tulisan yang di-tandatangani-nya yang di-alamat-kan kepada Mentri atau jika perlantekan-nya dibatalkan menurut sekshen 6 sa-saorang ahli hendak-lah memegang jawatan sa-lama sa-suatu tempoh (tidak lebeh daripada tiga tahun pada tiap ² satu kali) sa-bagaimana yang mungkin di-nyatakan di-dalam surat yang melantek-nya menjadi ahli itu.”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
subseksyen 5(4)	1. Dinomborkan semula sebagai subseksyen 6(4) 2. Perkataan “Seseorang anggota layak untuk dilantik semula kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 7.” menggantikan “Kechuali sa-bagaimana di-peruntokkan dalam sekshen 6 sa-saorang ahli ada-lah layak untok di-lantek sa-mula.”	perenggan 6(1)(xii) perenggan 6(1)(xxa) dan (xxiv)
seksyen 6	1. Dalam nota bahu, perkataan “ Pengosongan jawatan ” menggantikan “ Kekosongan jawatan ” 2. Dinomborkan semula sebagai seksyen 7	perenggan 6(1)(xxiv) perenggan 6(1)(xii)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
perenggan 6(a)	1. Dinomborkan semula sebagai perenggan 7(a)	perenggan 6(1)(xii)
	2. Perkataan “atau kepentingannya berkemungkinan bercanggah dengan kewajipan atau” menggantikan “dan kepentingannya harus akan bertelingkah dengan kewajipan ² dan”	perenggan 6(1)(xv), (xxa) dan (xxiv)
	3. Perkataan “atau” selepas koma bernoktah ditinggalkan	perenggan 6(1)(iii)
perenggan 6(b)	1. Dinomborkan semula sebagai perenggan 7(b)	perenggan 6(1)(xii)
	2. Perkataan “selepas dilantik di bawah perenggan 6(1)(c), tidak lagi layak pada pendapat Menteri untuk dilantik di bawah perenggan itu;” menggantikan “sa-lepas di-lantek menurut peruntukan perenggan (c) sekshen-kecil (1) dalam sekshen 5 terhenti pada pendapat Menteri daripada menjadi layak untuk di-lantek di-bawah perenggan itu;”	perenggan 6(1)(xxa) dan (xxiv)
	3. Perkataan “atau” selepas koma bernoktah ditinggalkan	perenggan 6(1)(iii)
perenggan 6(c)	1. Dinomborkan semula sebagai perenggan 7(c)	perenggan 6(1)(xii)
	2. Perkataan “tidak menghadiri mesyuarat Perbadanan tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi;” menggantikan “telah tidak menghadiri meshuarat Perbadanan tiga kali berturut-turut dengan tiada kebenaran daripada Pengerusi;”	perenggan 6(1)(xxa) dan (xxiv)
	3. Perkataan “atau” selepas koma bernoktah ditinggalkan	perenggan 6(1)(iii)
perenggan 6(d)	1. Dinomborkan semula sebagai perenggan 7(d)	perenggan 6(1)(xii)
	2. Perkataan “pemiutangnya” menggantikan “sipiutang ² -nya”	perenggan 6(1)(xxa) dan (xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
	3. Perkataan “atau” selepas koma bernoktah ditinggalkan	perenggan 6(1)(iii)
perenggan 6(e)	1. Dinomborkan semula sebagai perenggan 7(e)	perenggan 6(1)(xii)
	2. Perkataan “menjadi tidak upaya kerana penyakit fizikal atau mental;” menggantikan “tidak berdaya oleh kerana sakit jasmani atau otak;”	perenggan 6(1)(xxa) dan (xxiv)
perenggan 6(f)	1. Dinomborkan semula sebagai perenggan 7(f)	perenggan 6(1)(xii)
	2. Perkataan “selainnya tidak berupaya atau tidak layak untuk menunaikan fungsi sebagai seorang anggota,” menggantikan “oleh kerana lain tidak boleh atau tidak layak menjalankan tugas ² sabagai sa-orang ahli,”	perenggan 6(1)(xxa) dan (xxiv)
seksyen 6 -Proviso	Perkataan “Menteri boleh membatalkan pelantikan anggota itu.” menggantikan “maka boleh-lah ia membatalkan perlantekan ahli itu.”	perenggan 6(1)(xxa) dan (xxiv)
seksyen 7	1. Dalam nota bahu, Perkataan “ Mesyuarat ” menggantikan “ Acharya Perbadanan ”	perenggan 6(1)(xxiv)
	2. Dinomborkan semula sebagai seksyen 8	perenggan 6(1)(xii)
subseksyen 7(1)	1. Dinomborkan semula sebagai subseksyen 8(1)	perenggan 6(1)(xii)
	2. Perkataan “Kuoram bagi mana-mana mesyuarat Perbadanan ialah enam orang anggota yang hadir.” menggantikan “Chukupbilang dalam sa-suatu meshuarat Perbadanan ia-lah enam orang ahli ² yang hadir.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxiv)
subseksyen 7(2)	1. Dinomborkan semula sebagai subseksyen 8(2)	perenggan 6(1)(xii)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
subseksyen 7(3)	<p>2. Perkataan “Pengerusi atau semasa ketiadaannya, Timbalan Pengerusi atau semasa ketiadaan kedua-dua mereka, mana-mana anggota yang dipilih oleh anggota yang hadir hendaklah mempengerusikan mesyuarat Perbadanan.” menggantikan “Pengerusi atau, jika ia tidak hadir, Timbalan Pengerusi atau, jika kedua²-nya tidak hadir, sa-saorang ahli sa-bagaimana yang di-lantek oleh ahli² yang hadir, hendak-lah mengetuai semua meshuarat Perbadanan.”</p>	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
subseksyen 7(3)	<p>1. Dinomborkan semula sebagai subseksyen 8(3)</p> <p>2. Perkataan “Semua persoalan yang berbangkit dalam sesuatu mesyuarat Perbadanan hendaklah diputuskan mengikut majoriti anggota yang hadir dan mengundi dalam mesyuarat itu dan, dalam hal terdapat bilangan undi yang sama banyak, orang yang mempengerusikan mesyuarat itu hendaklah mempunyai undi pemutus.” menggantikan “Semua soal yang berbangkit dalam sa-suatu meshuarat Perbadanan hendak-lah di-putuskan mengikut lebehsuara ahli² yang hadir dan mengundi atas-nya dalam meshuarat itu dan, jika bilangan undi sama banyak-nya, maka orang yang mengetuai meshuarat itu hendak-lah mempunyai undi pemutus.”</p>	perenggan 6(1)(xii) perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
subseksyen 7(4)	<p>1. Dinomborkan semula sebagai subseksyen 8(4)</p>	perenggan 6(1)(xii)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
	<p>2. Perkataan “Seseorang anggota yang hadir dalam mesyuarat Perbadanan hendaklah, jika dia dengan apa-apa cara, sama ada secara langsung atau tidak langsung, mempunyai kepentingan kewangan dalam mana-mana kontrak, kontrak yang dicadangkan atau apa-apa perkara lain yang dibincangkan dalam mesyuarat itu, mengisytiharkan jenis kepentingannya itu kepada Perbadanan dan selepas itu dia tidak boleh hadir semasa perkara itu dipertimbangkan atau dibincangkan dan tidak boleh mengundi tentang apa-apa persoalan yang berhubungan dengan perkara itu.” menggantikan “Sa-saorang ahli yang hadir dalam meshuarat Perbadanan hendak-lah sa-kiranya ia dengan apa² chara, sama ada sa-chara terus atau tidak terus, mempunyai kepentingan kewangan dalam mana² kontrek, kontrek yang di-chadangkan atau apa² perkara lain, yang di-binchangkan dalam meshuarat itu, mengishtiharkan keadaan kepentingan-nya itu kepada Perbadanan dan sa-lepas itu ia tidak-lah boleh hadir dalam masa perkara itu di-timbang atau di-binchangkan dan tidak-lah boleh mengundi atas apa² soal yang berkaitan dengan-nya.”</p>	perenggan 6 (1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
subseksyen 8(1)	<p>1. Dinomborkan semula sebagai subseksyen 4(3)</p> <p>2. Perkataan “diaku saksi oleh” menggantikan “di-saksikan dengan tandatangan”</p>	perenggan 6(1)(xii) perenggan 6(1)(iii)
subseksyen 8(2)	<p>1. Dinomborkan semula sebagai subseksyen 4(4)</p>	perenggan 6(1)(xii)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
	2. Perkataan “Apa-apa kontrak atau surat cara yang, jika dibuat atau disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak dikehendaki supaya dimeteraikan, boleh dibuat atau disempurnakan bagi pihak Perbadanan oleh mana-mana orang yang diberi kuasa secara am atau khusus oleh Perbadanan bagi maksud itu tertakluk kepada apa-apa sekatan tentang nilai atau selainnya yang boleh dikenakan dalam pemberikuasaan itu.” menggantikan “Apa ² kontrak atau suratchara yang, sa-kira-nya di-buat atau di-sempurnakan oleh sa-saorang yang bukan-nya suatu pertubohan yang di-perbadankan, tidak akan di-kehendaki di-chap dengan meteri, boleh-lah di-buat atau di-sempurnakan bagi pehak Perbadanan oleh sa-siapa jua yang di-berikuasa dengan ‘am atau khas-nya oleh Perbadanan bagi maksud itu terta‘alok kepada apa ² sekatan tentang nilai atau lain ² sa-bagaimana yang mungkin di-kenakan di-dalam pemberiankuasa itu.”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
subseksyen 8(3)	1. Dinomborkan semula sebagai subseksyen 4(5) 2. Perkataan “hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan sebagai telah disempurnakan atau dikeluarkan sedemikian.” menggantikan “hendak-lah di-sifatkan sa-bagai di-sempurna atau di-keluarkan sa-demikian sa-hingga akas-nya di-bukti-kan.”	perenggan 6(1)(xii) perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
Bahagian 3	1. Perkataan “BAHAGIAN III” menggantikan “BAHAGIAN 3” 2. Perkataan “KEWANGAN” menggantikan “WANG PERBADANAN”	perenggan 6(1)(vii) dan (xxiv) perenggan 6(1)(iii) dan (xxiv)
seksyen 9	Dalam nota bahu, perkataan “ Hasil ” menggantikan “ Hasil Perbadanan ”	perenggan 6(1)(xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
subseksyen 9(1)	Perkataan “Perbadanan hendaklah mempunyai kuasa untuk menerima apa-apa pemberian, sumbangan, derma kekal, hadiah atau bekues yang dibuat kepada atau bagi faedahnya.” menggantikan “Perbadanan ada-lah berkuasa menerima apa ² pemberian, charuman, dermakekal, hadiah atau harta-wasiat yang di-beri kapada atau untuk faedah-nya.”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
subseksyen 9(2)	Perkataan “Perbadanan hendaklah dengan kelulusan Menteri Kewangan mempunyai kuasa untuk meminjam atau memperdapatkan wang bagi maksud semua atau mana-mana fungsinya.” menggantikan “Dengan persetujuan Mentri Kewangan Perbadanan ada-lah berkuasa untuk meminjam atau mendapatkan wang ² bagi maksud kesemua atau mana ² tujuan-nya.”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
subseksyen 9(3)	1. Perkataan “dari sa-masa ka-samasa” ditinggalkan 2. Perkataan “disifatkannya” menggantikan “di-fikirkan-nya”	subperenggan 6(1)(i)(h) dan perenggan 6(1)(xxiv) perenggan 6(1)(iii)
seksyen 10	Dalam nota bahu, perkataan “ Tabung Perbadanan Padang Golf Subang ” menggantikan “ Kewangan Perbadanan ”	perenggan 6(1)(xxiv)
subseksyen 10(1)	Perkataan “Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Tabung Perbadanan Padang Golf Subang” ditubuhkan yang ke dalamnya hendaklah dibayar semua hasil Perbadanan dan yang daripadanya semua pembayaran Perbadanan hendaklah dibuat.” menggantikan “Maka hendak-lah di-tubuhkan suatu kumpulan wang yang di-namakan Kumpulan Wang Perbadanan Padang Golf Subang (di-bawah ini di-rujok sa-bagai “Kumpulan Wang”) yang semua hasil Perbadanan hendak-lah di-bayar ka-dalam-nya dan semua pembayaran Perbadanan hendak-lah di-buat daripada-nya.”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
subseksyen 10(2)	<p>Perkataan “Hasil Perbadanan bagi mana-mana tahun kewangan hendaklah digunakan untuk membuat pembayaran yang berikut bagi tahun itu:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) pembayaran balik hutang Perbadanan; (b) perbelanjaan kerja dan perjawatan; dan (c) penyenggaraan dan pembaharuan harta, dan penunaian fungsi, Perbadanan yang dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya kepada hasil.” 	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
	<p>menggantikan “Hasil² Perbadanan bagi sa-suatu tahun kewangan hendaklah di-gunakan untuk menyelesaikan bayaran² yang berikut bagi tahun itu—</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) hutang² Perbadanan; (b) perbelanjaan² kerja dan perjawatan; (c) penyenggaraan dan pembaharuan harta dan pelaksanaan tugas² Perbadanan yang sa-patut-nya di-kenakan ka-atas hasil.” 	
subseksyen 10(3)	<p>Perkataan “Amaun yang masih ada daripada hasil Perbadanan untuk mana-mana tahun kewangan, selepas pembayaran yang disebut dalam subseksyen (2) dibuat, hendaklah digunakan untuk menjelaskan apa-apa kekurangan hasil yang dibawa ke hadapan dari tahun sebelumnya, dan baki daripada amaun itu, jika ada, selepas menjelaskan kekurangan itu, hendaklah dengan seberapa segera yang boleh selepas berakhirnya tahun itu dimasukkan ke dalam akaun rizab am.” menggantikan “Jumlah hasil yang tinggal bagi Perbadanan untuk sa-suatu tahun kewangan, sa-telah bayaran² yang di-rujokkan dalam</p>	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
	sekshen-kecil (2) di-selesaikan, hendak-lah di-gunakan untuk mengganti apa ² kekurangan hasil yang di-bawa ka-hadapan daripada tahun ² yang sudah, dan baki-nya, jika ada, jumlah itu, sa-telah mengganti kekurangan ² itu, hendak-lah dengan sa-berapa segera yang boleh sa-lepas akhir tahun itu di-masokkan ka-dalam kira ² simpanan ‘am.”	
subseksyen 10(4)	Perkataan “akaun rizab am pada akhir setiap tahun kewangan” menggantikan “kira ² simpanan ‘am pada akhir tiap ² tahun kewangan”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxiv)
subseksyen 10(5)	1. Perkataan “Wang dalam Tabung yang tidak dikehendaki untuk dibelanjakan dalam menunaikan mana-mana fungsi Perbadanan, jika dilaburkan, hendaklah dilaburkan oleh Perbadanan dalam pelaburan yang dibenarkan oleh undang-undang bagi pelaburan kumpulan wang amanah.” menggantikan “Wang ² dalam Kumpulan Wang yang tidak di-kehendaki untuk di-belanjakan pada melaksanakan mana ² tugas Perbadanan, jika di-laborkan, hendak-lah di-laborkan oleh Perbadanan ka-dalam pelaburan yang pada masa itu di-benarkan oleh undang ² untuk pelaburan wang ² amanah.” 2. Noktah menggantikan noktah bertindih	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv) perenggan 6(1)(xvi)
subseksyen 10(5) -Proviso	1. Disusun semula dan dinomborkan sebagai subseksyen 10(6) dengan perubahan berbangkit dibuat 2. Perkataan “sekuriti” menggantikan “chagaran ² ”	perenggan 6(1)(xii), (xiii) and (xxiv) perenggan 6(1)(iii)
seksyen 11	1. Dalam nota bahu, perkataan “ Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 ” menggantikan “ Kira² dan odit ”	perenggan 6(1)(xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
	2. Perkataan “Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [<i>Akta 240</i>] hendaklah terpakai bagi Perbadanan.” menggantikan keseluruhan subseksyen 11(1) hingga 11(4)	perenggan 6(1)(iii) dan (xxiv)
Bahagian 4	Perkataan “BAHAGIAN IV” menggantikan “BAHAGIAN 4”	perenggan 6(1)(vii) dan (xxiv)
seksyen 12	Ditinggalkan	subperenggan 6(1)(i)(aa)
seksyen 13	1. Dalam nota bahu, perkataan “ Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah ” menggantikan “ Kuasa Perbadanan membuat kaedah² ”	perenggan 6(1)(xxiv)
	2. Dinomborkan semula sebagai seksyen 12	perenggan 6(1)(xii)
	3. Perkataan “Perbadanan boleh, tertakluk kepada kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah —” menggantikan “Terta’alok kepada persetujuan Menti Perbadanan boleh membuat kaedah ² —”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
perenggan 13(a)	1. Dinomborkan semula sebagai perenggan 12(a)	perenggan 6(1)(xii)
	2. Perkataan “untuk mengawal selia prosiding Perbadanan, panggilan mesyuarat dan perjalanan urusan;” menggantikan “bagi mengator perjalanan Perbadanan, panggilan meshuarat dan perjalanan urusan;”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
perenggan 13(b)	1. Dinomborkan semula sebagai perenggan 12(b)	perenggan 6(1)(xii)
	2. Perkataan “bagi” menggantikan “untuk”	perenggan 6(1)(iii) dan (xv)
perenggan 12(c)	1. Dinomborkan semula sebagai perenggan 12(c)	perenggan 6(1)(xii)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
	2. Perkataan “untuk menguntukkan kewajipan kepada, dan mengawal selia perjalanan kuasa eksekutif oleh, Perbadanan, jawatankuasa dan pegawai Perbadanan;” menggantikan “bagi menguntukkan kewajipan ² kepada, dan mengator perjalanan kuasa ² kerja oleh, Perbadanan, jawatan-kuasa ² dan pegawai ² Perbadanan;”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
perenggan 13(d)	1. Dinomborkan semula sebagai perenggan 12(d)	perenggan 6(1)(xii)
	2. Perkataan “untuk mengawal selia perjalanan semua urusan yang dikendalikan dengan pengurusan mana-mana padang golf;” menggantikan “bagi mengator perjalanan segala urusan yang di-jalankan dengan mana ² padang golf;”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
perenggan 13(e)	1. Dinomborkan semula sebagai perenggan 12(e)	perenggan 6(1)(xii)
	2. Perkataan “untuk mengawal selia pelantikan dan terma dan syarat perkhidmatan pegawai dan pekhidmat Perbadanan;” menggantikan “bagi mengator perlantikan dan syarat ² dan keadaan ² perkhidmatan pegawai ² dan penjawat ² Perbadanan;”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
perenggan 13(f)	1. Dinomborkan semula sebagai perenggan 12(f)	perenggan 6(1)(xii)
	2. Perkataan “untuk menetapkan caj masuk ke padang golf yang diuruskan” menggantikan “bagi menetapkan bayaran ² masok ka-padang golf yang di-urus”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
perenggan 13(g)	Perkataan “untuk” menggantikan “bagi”	perenggan 6(1)(iii)
subseksyen 14(2)	1. Dalam nota bahu, perkataan “ Pekhidmat awam ” dimasukkan	perenggan 6(1)(xxiv)
	2. Dinomborkan semula sebagai seksyen 13	perenggan 6(1)(xii)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
subseksyen 14(1)	<p>3. Perkataan “Semua anggota, pegawai dan pekhidmat Perbadanan hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574].” menggantikan “Semua ahli, pegawai dan penjawat Perbadanan hendak-lah di-sifatkan sa-bagai penjawat awam dalam pengertian Kanun Keseksaan [N.M.B. Bab 5].”</p>	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
	<p>1. Dalam nota bahu, perkataan “Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948” menggantikan “Pemakaian Ordinance Perlindungan Pihak berkuasa Awam”</p>	perenggan 6(1)(iii), (xxi) dan (xxiv)
	<p>2. Dinomborkan semula sebagai seksyen 14</p>	perenggan 6(1)(xii)
	<p>3. Perkataan “Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [Akta 198] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Perbadanan atau terhadap mana-mana anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen Perbadanan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan oleh Perbadanan atau oleh mana-mana anggota, pegawai dan pekhidmat atau ejen Perbadanan atas sifat yang sedemikian.” menggantikan “Ordinance Perlindungan Pihak-berkuasa Awam, 1948, hendak-lah di-pakai kepada apa² tindakan, guaman, da²awaan atau langkah² pembicharaan terhadap Perbadanan atau terhadap mana² ahli, pegawai, penjawat atau ejen Perbadanan berkenaan dengan apa² perbuatan, kechuaian atau keingkaran yang di-buat atau di-lakukan oleh Perbadanan atau oleh ahli, pegawai, penjawat atau ejen Perbadanan atas sifat-nya yang demikian.”</p>	perenggan 6(1)(iii), (xvi), (xxa) dan (xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
subseksyen 14(2)	Dinomborkan semula sebagai seksyen 13	perenggan 6(1)(xii)

